

Bill Gates, Trump hadir WCIT 2008

Olimpik dunia IT perkenal produk tempatan

Oleh Wan Hazmir Bakar,
Shamshul Azree Samshir
dan Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Pengasas Microsoft Corp, Bill Gates; jutawan hartanah, Donald Trump; bekas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton dan Presiden Russia, Vladimir Putin adalah antara tokoh terkemuka dunia yang dijangka menghadiri Kongres Teknologi Maklumat Sedunia Kali Ke-16 atau 'World Congress on Information Technology (WCIT) 2008'.

WCIT 2008 yang dianggap sebagai olimpik dunia teknologi maklumat (IT) akan dilangsungkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dari 18 hingga 22 Mei tahun depan.

Ia anjuran bersama Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) dengan sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) serta Kerajaan Malaysia.

Ketua Eksekutif MDeC selaku Pengerusi WCIT 2008, Datuk Badlisham Ghazali, berkata penganjuran persidangan itu membolehkan Malaysia mengetengahkan produk IT keluaran tempatan di pasaran antarabangsa.

"Perkongsian strategik antara

MDeC dan WCIT 2008 adalah satu kerjasama yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak selain mewujudkan landasan kepada syarikat IT tempatan untuk mengadakan rangkaian dengan setiap negara peserta," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari sempena Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Ke-10 di sini, semalam.

Hadir sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr

“Perkongsian antara MDeC dan WCIT 2008 adalah satu kerjasama yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak”

Badlisham Ghazali
Ketua Eksekutif MDeC

Jamaludin Jarjis dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Pada majlis itu, WorldConnect AG, Redtone International Bhd dan Dell Inc turut menyampaikan tajaan kepada WCIT 2008.

Malaysia adalah negara pertama di rantau ini yang diberi hak penganjuran persidangan itu, sekali gus mengiktiraf negara ini sebagai pusat industri ICT utama di Asia Tenggara.

Ia juga akan menempatkan Kuala Lumpur sebaris dengan bandar raya maju dan ternama seperti Tokyo, Paris, London, Taipei, Adelaide dan Athens yang menjadi tuan rumah kepada WCIT sebelum ini.

Sebagai forum utama Gabungan Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Sedunia atau lebih dikenali sebagai WITSA (World Information Technology and Services Alliance), WCIT 2008 menyediakan peluang yang amat bernilai bagi industri tempatan menjalin hubungan perniagaan dan rangkaian dengan syarikat ICT bertaraf dunia.

Ini membolehkan pertumbuhan ekonomi negara dan organisasi dilakukan menerusi perkembangan pasaran dan pengukuhan daya saing di dalam sektor ICT.